

# pelan saham kakitangan

Tahun penyertaan 2019



wood.

miliki kepentingan dalam  
masa depan syarikat.

Pelan Saham Kakitangan memberi anda peluang untuk membeli saham Wood dan menerima saham padanan daripada syarikat. Bagi setiap 2 saham yang anda beli, Wood akan memberi anda 1 saham secara percuma. Dokumen ini menggariskan pelaksanaan pelan dan cara menyertai pelan ini.

# Penyertaan

dari 7 Januari 2019  
hingga 11 Februari 2019

# Belian

dari April 2019 hingga  
Mac 2020

# Padanan

April 2021

# Potongan

mulai Mac 2019



# 1. Penyertaan

## Hüquq

Jika anda kakitangan sepenuh masa atau separuh masa Wood pada 1 November 2018, anda akan menerima pelawaan untuk menyertai pelan. Pada masa ini, Pelan ini ditawarkan di Australia, Azerbaijan, Brazil, Kanada, Chile, Perancis, India, Itali, Malaysia, Norway, Republik Ireland, Singapura, Sepanyol, Thailand, UAE, UK dan AS\*. Anda mestilah menetap dan bekerja di lokasi Pelan ini dilancarkan untuk layak menyertai; daftar gaji anda juga mestilah di lokasi yang layak. Bagi mereka yang mula berkhidmat selepas tarikh tutup penyertaan, jemputan akan dihantar sebelum tempoh penyertaan yang seterusnya, pada Januari 2020.

*\* dukacita dimaklumkan bahawa kakitangan yang menetap di California dan Oregon tidak dibenarkan menyertai pelan ini disebabkan undang-undang negeri tersebut*

## Cara mendaftar

Jika anda memenuhi kriteria yang dinyatakan di atas, anda akan menerima pelawaan untuk menyertai pelan ini yang turut menyertakan pautan ke laman sesawang pelan dan arahan tentang cara mendaftar. Jemputan akan dihantar melalui pos atau e-mel.

## Tempoh pendaftaran

Tempoh pendaftaran 5 minggu akan dibuka pada bulan Januari setiap tahun dan ditutup pada bulan Februari. Pendaftaran dilakukan sekali setahun, secara sukarela – anda boleh memilih untuk mendaftar atau sebaliknya. Penyertaan untuk pelan selama setahun tidak bermakna anda akan didaftarkan secara automatik untuk pelan ini pada tahun berikutnya. Jika anda ingin terus menyertai pelan ini, anda perlu menyertainya semula setiap tahun.

# 2. Potongan



## Sumbangan

Jika anda memilih untuk menyertai pelan ini, anda perlu menentukan peratusan gaji kasar anda yang akan disumbangkan – iaitu antara 1% hingga 10%. Sumbangan akan dibuat selama 12 bulan daripada gaji bersih (selepas cukai) anda dan ditolak pada setiap tempoh pembayaran gaji; ini dikenali sebagai tempoh pembelian. Harap maklum bahawa potongan dibuat hanya daripada gaji kasar pokok anda; bonus atau elaun lain tidak akan diambil kira.

## Contoh

Jika John memilih untuk menyumbangkan 5% dan gaji kasarnya ialah \$50,000, ini bermakna beliau akan membayar \$2,500 untuk bayaran selepas cukai setahun. Maka, jika John menerima gaji setiap minggu, beliau akan menyumbangkan \$48.08 seminggu, kerana amaun ini bersamaan dengan \$2,500 untuk tempoh setahun.

## Ödemişlerin dayandırılması

Jika anda menarik diri daripada pelan ini, anda tidak boleh menyertainya semula pada tahun tersebut. Jika anda berpindah ke daftar gaji/ lokasi yang belum melaksanakan pelan ini, anda perlu menarik diri daripada pelan ini atas sebab undang-undang. Jika anda mengambil cuti bergaji atas sebarang sebab, anda tidak perlu menarik diri daripada pelan dan boleh meneruskan sumbangan anda seperti biasa (tertakluk pada peraturan setempat).

# 3. Belian

## Tempoh pembelian

Jika anda menyertai pelan ini, Wood akan memindahkan wang sumbangan anda ke Computershare, iaitu pentadbir pelan, setiap bulan untuk membuat pembelian saham bagi pihak anda. Walaupun kekerapan pembayaran gaji anda berbeza, semua pembelian akan dilakukan sekali sebulan, iaitu mulai April 2019. Pembelian akan dibuat di Bursa Saham London. Jadual pembelian lengkap boleh diakses secara dalam talian.

## Butiran dagangan

Oleh sebab Wood disenaraikan di UK, dagangan dilakukan di UK. Ini bermakna semua sumbangan perlu ditukar kepada mata wang paun sterling (GBP). Kadar pertukaran ialah purata kadar pertukaran pada hari semua sumbangan ditukar mata wang. Saham akan dibeli pada tarikh tertentu yang akan dimaklumkan kepada peserta pada permulaan tempoh penyertaan. Anda boleh mendapatkan butiran tarikh ini untuk tempoh 2019/2020 di laman sesawang. Purata harga dagangan akan digunakan pada tarikh pembelian yang ditetapkan. Harga saham mungkin berubah-ubah daripada satu tarikh pembelian dengan tarikh pembelian seterusnya. Jika anda menetap di luar UK dan/atau menerima gaji dalam mata wang selain paun sterling, kos sesaham anda akan berubah-ubah mengikut perubahan kadar pertukaran mata wang tersebut berbanding paun sterling. Oleh hal yang demikian, bilangan saham yang anda peroleh untuk sumbangan anda bagi setiap tarikh pembelian mungkin berbeza-beza. Baki wang daripada pembelian saham penuh akan digunakan untuk membeli sebahagian saham; ini dikenali sebagai 'saham sebahagian'.

## Perdagangan orang dalam

Semasa tempoh penyertaan, jika anda mempunyai akses kepada sebarang maklumat sensitif harga, anda tidak boleh menyertai Pelan. Walau bagaimanapun, jika anda tidak mengetahui sebarang maklumat sensitif harga, anda layak menyertai Pelan seperti biasa. Jika anda dibenarkan menyertai Pelan, anda boleh membeli saham melalui Pelan ini pada tarikh yang telah ditetapkan terlebih dahulu, tetapi mungkin tidak dibenarkan menjual saham pada tarikh tertentu, biasanya tempoh tertutup. Selain itu, anda tidak boleh menarik diri daripada Pelan semasa tempoh tertutup. Anda bertanggungjawab memastikan bahawa anda tidak melanggar sebarang tatakelakuan dalaman atau luaran, undang-undang dan/atau peraturan perdagangan orang dalam dan salah guna pasaran dan/atau undang-undang sekuriti persekutuan yang berkaitan dengan perdagangan saham. Jika anda tidak pasti, sila rujuk penasihat undang-undang bebas.

## Menjadi pemegang saham

Setelah pembelian pertama dibuat, anda akan menjadi pemegang saham secara automatik; saham anda di bawah Pelan ini akan dipegang bagi pihak anda oleh penama – penama ini ialah Computershare. Anda layak menerima dividen bagi semua saham yang telah anda beli. Dividen ialah agihan keuntungan yang diperolehi oleh Wood. Dividen akan diberikan dalam bentuk saham. Sebagai pemegang saham, anda akan turut dijemput untuk mengundi melalui Computershare dalam perkara yang dibangkitkan semasa mesyuarat agung pemegang saham, seperti mesyuarat agung tahunan (AGM) yang biasanya diadakan pada bulan Mei. Sebagai pemegang saham, anda perlu sedia maklum bahawa nilai saham anda boleh meningkat atau menurun, dan anda mungkin tidak akan menerima semula amaun penuh pelaburan anda. Jika anda menetap di luar United Kingdom dan/atau menerima gaji dalam mata wang selain paun sterling, nilai pegangan anda turut tertakluk pada perubahan kadar pertukaran mata wang negara kediaman anda dan paun sterling, walau apa jua perubahan harga saham Wood.

# 4. Padanan

## Tempoh pegangan

Selepas 12 bulan pertama pembelian saham, anda boleh menyertai tempoh Pegangan. Tempoh Pegangan ialah tempoh anda perlu memegang saham yang anda beli untuk memperoleh saham padanan. Untuk menyertainya, anda hanya perlu memegang sebahagian atau kesemua saham belian anda selama 12 bulan. Tempoh Pegangan bermula pada ulang tahun tarikh pembelian pertama anda.

## Individu yang berhenti kerja

Jika anda menamatkan perkhidmatan di Wood, ganjaran saham padanan anda akan luput. Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu, anda mungkin layak menerima padanan bagi saham yang telah anda beli semasa tempoh pembelian; jadual di bawah menunjukkan sama ada padanan layak diterima.

## Padanan - beli 2, dapatkan 1 percuma

Selepas tempoh 12 bulan tamat, Wood akan menyemak jumlah saham belian yang terdapat pada akaun saham dalam talian anda; hanya saham yang anda beli layak menerima saham padanan. Bagi setiap dua saham yang anda beli, satu saham diberikan kepada anda secara percuma selagi anda memegang saham belian tersebut sepanjang tempoh pegangan. Saham padanan percuma tertakluk pada cukai setempat dan potongan keselamatan sosial. Anda boleh menjual saham anda semasa tempoh pegangan, tetapi anda hanya akan menerima padanan bagi saham yang masih berbaki dalam akaun saham dalam talian anda pada akhir tempoh pegangan. Setiap tempoh pegangan adalah berdasarkan tempoh pembelian yang dibuat setahun sebelumnya.

Jika anda berhenti kerja kerana...	Saham anda layak menerima padanan	Saham anda tidak layak menerima padanan
Meletakkan jawatan/ditamatkan perkhidmatan/ dipecat		●
Persetujuan bersama jika berkaitan dengan prestasi		●
Redundansi	●	
Kematian/Kehilangan upaya/Kecederaan serius/ Penyakit	●	
Penjualan perniagaan	●	
Persetujuan bersama jika tidak berkaitan dengan prestasi	●	

# wood.

Dokumen ini bertujuan memberikan maklumat sahaja dan tidak mengandungi nasihat berkaitan pelaburan. Maklumat ini bukanlah tawaran awam untuk menjual atau pelawaan membeli saham John Wood Group PLC, dan bukan jemputan untuk menyertai Pelan Saham Kakitangan Wood ("Pelan").

Anda mesti membaca dokumentasi lengkap yang disediakan untuk lokasi anda, yang boleh didapati secara dalam talian di [www.woodplc.com/employeeshareplan](http://www.woodplc.com/employeeshareplan) sebelum membuat sebarang keputusan untuk menyertai pelan ini. Sekiranya anda berasa ragu-ragu tentang tindakan yang harus anda ambil, anda disarankan untuk mendapatkan nasihat kewangan terus daripada penasihat kewangan bebas yang bertauliah.

[www.woodplc.com/employeeshareplan](http://www.woodplc.com/employeeshareplan)